
B B628 DEB
MAHATHIR - KESELAMATAN

ALOR SETAR, 17 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENGAJAI CARA YANG PALING BAIK UNTUK MENGAWAL KEGIATAN PENYELUDUPAN DI KAWASAN SEMPADAN DAN PERAIRAN PANTAI KHUSUSNYA DI KEDAH, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MESYUARAT BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI DI BANGUNAN TUNKU DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA, PERKARA SAMA ADA KERAJAAN PERLU MEMBINA MENARA-MENARA KAWALAN YANG LENGKAP DENGAN TEROPONG KHAS DI SEPANJANG PANTAI DAN DI KAWASAN PAGAR SEMPADAN ATAU KEGUNAAN SISTEM KAWALAN SEPERTI PENGGUNAAN RADAR SEDANG DIBINCANGKAN.

+INI DISEBABKAN PENYELUDUPAN BUKAN SAHAJA BERLAKU DI DARAT TETAPI PERBUATAN ITU JUGA DILAKUKAN MELALUI PERAIRAN PANTAI DI NEGERA INI,+ JELAS BELIAU.

BELIAU YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA, KERAJAAN JUGA AKAN MENGAJAI UNTUK MENUGASKAN PASUKAN UNIT UDARA POLIS DIRAJA MEMBUAT RONDAAN DI KAWASAN-KAWASAN YANG SERING BERLAKU KEGIATAN PENYELUDUPAN DI LAUT.

BAGAIMANAPUN BUAT MASA SEKARANG KERAJAAN TIDAK DAPAT MENEMPATKAN PASUKAN TERSEBUT DI PERAIRAN KEDAH KERANA UNIT ITU KEKURANGAN ANGGOTA, KATANYA. - LAGI.
2121MST 17 08 87

D329

F B629 DEB
MAHATHIR - KESELAMATAN 2 ALOR SETAR

MENGENAI DEMONSTRASI SECARA AMAN OLEH PARA PENYOKONG PAS BARU-BARU INI YANG MEMBANTAH TINDAKAN KERAJAAN NEGERI MERAMPAS TAPAK MUASSASAH DARUL ULUM PARTI ITU DI POKOK SENGA DEKAT SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG SEKIRANYA BERLAKU PERHIMPUNAN HARAM.

BAGAIMANAPUN, BELUM ADA TANDA-TANDA YANG KERAJAAN BOLEH AMBIL TINDAKAN BERHUBUNG DENGAN SOAL DEMONSTRASI ITU, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGULAS TINDAKAN SEGELINTIR PEMIMPIN PAS YANG DIKATAKAN SEDANG MENGEDARKAN BORANG-BORANG BANTAHAN DI SEKOLAH-SEKOLAH UNTUK DITANDATANGANI OLEH MURID-MURID SEBAGAI BANTAHAN KEPADA TINDAKAN KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN ISU TAPAK MUASSASAH ITU.

BELIAU BERKATA, +ITU PERKARA BIASA DAN MEREKA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN SEKIRANYA MEREKA SUKA.+ -- BERNAMA.
2140MST 17 08 87